

Kemudahan Macres dipertingkatkan untuk alirkan data dari Razaksat

UM 13 AUG 2003

TEMERLOH 12 dgos — Pusat Remote Sensing Negara (Macres) Temerloh yang berharga RM80 juta akan menjadi salah satu stesen bumi untuk menerima data pelbagai guna daripada satelit buatan pertama negara, Razaksat yang bakal dilancarkan pada 2005.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata, untuk tujuan itu, peralatan dan kemudahan di Macres sedang dipertingkatkan bagi memastikan pengaliran data berjalan lancar.

“Memandangkan Macres di Temerloh akan menerima data daripada Razaksat, maka perbincangan sedang diadakan dengan Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA) bagi meningkatkan kemudahan di Macres,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Macres Temerloh di sini, hari ini.

Pengarah Macres, Datuk Nik Nasarudin Mahmud turut hadir.

Macres antara lain berfungsi mengumpul pelbagai data untuk tujuan komersial, keselamatan, bantuan mencari dan menyelamat, cuaca dan penyelidikan.

Beliau berkata, Macres di Temerloh telah pun mula beroperasi tetapi operasinya akan dijalankan pada bulan depan melalui penambahan pegawai dan kakitangan.

Katanya, Macres akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum persaraan beliau pada bulan Oktober depan.

Dicapai

“Saya berpuas hati dengan apa yang telah dicapai oleh Macres di Temerloh setakat ini tetapi ada beberapa perkara yang masih perlu dibuat seperti landskap dan penambahan pegawai serta kakitangan,” jelasnya.

Dalam masa yang sama, katanya, kerajaan sedang meneliti dua perjanjian yang akan

ditandatangani dengan pengendali satelit Spot dari Perancis dan Lan Sat dari Amerika Syarikat yang akan menawarkan penggunaan satelit untuk tujuan komersial.

Menurutnya, sebelum ini, Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan pengendali satelit dari Kanada iaitu Radar Sat untuk gunasama sistem satelit dengan bayaran langganan tertentu.

“Perjanjian ini akan ditandatangani dalam tempoh dua bulan lagi dan selepas itu, kita boleh menyediakan data-data yang dikehendaki pengguna dan tempahan data boleh dibuat mulai sekarang,” tambahnya.

Sementara itu, Hieng Ding berkata, mengenai pemilihan angkasawan pertama negara, ia masih dalam peringkat penelitian oleh BAKSA dan ia terbuka kepada semua rakyat Malaysia untuk menjadi calon angkasawan.